

BUDAYA BERKONGSI PENGETAHUAN DALAM KALANGAN PELAJAR PEKAK: SATU KAJIAN PENEROKAAN

Rabiatul Adawiyah bte Abu Bakar
adawiyahabubakar@gmail.com

Salina Mohammed Rashid
salinarashid@kuis.edu.my

Ghazali Mohd Ali
ghazali.ma@kuis.edu.my

Fakulti Pengurusan dan Muamalah (FPM)
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra 43000 Bangi
Selangor Darul Ehsan

ABSTRAK

Warga Pekak ialah golongan yang bertutur dengan tangan dan mendengar dengan mata. Mereka juga mahu dikenali sebagai satu golongan bangsa yang tersendiri seperti bangsa-bangsa lain di dalam Malaysia. Namun begitu, kajian mengenai warga Pekak sememangnya sangat kurang dilakukan kecuali dalam bidang bahasa. Banyak lagi ruang kosong yang boleh dikaji. Kajian ini merupakan satu kajian penerokaan awal mengenai budaya berkongsi pengetahuan. Objektif kajian ialah untuk melihat amalan perkongsian pengetahuan dalam kalangan pelajar Pekak. Kajian ini telah dibuat di Sekolah Menengah Vokasional Pendidikan Khas, Shah Alam yang mempunyai 147 orang pelajar kelainan upaya. Mereka terdiri daripada 41 pelajar yang mempunyai masalah pembelajaran (*learning disability*) dan 106 pelajar pekak. Hanya 69 (65%) pelajar pekak yang menjawab soal selidik tersebut. Semasa pengendalian soal selidik penyelidik telah dibantu oleh tiga orang penterjemah Bahasa Isyarat Malaysia. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) dan lebih fokus kepada kajian deskriptif. Dapatkan kajian menunjukkan kaedah yang digunakan kurang mendapat hasil keputusan yang baik. Ini terbukti apabila nilai *cronbach alpha* yang rendah berbanding dengan nilai kajian lepas. Antara faktor penyebab terjadi demikian adalah kerana golongan orang Pekak ini mempunyai bahasa dan budaya mereka tersendiri. Mereka gagal untuk memahami struktur ayat bahasa Melayu dengan baik. Selain itu, penggunaan skala Likert dalam instrumen ini juga menjadi penyebab yang membuat mereka gagal untuk membezakan tahap skala Likert dalam setiap jawapan yang diberi. Dengan itu dapat disimpulkan di sini instrumen yang digunakan tidak sesuai untuk mereka. Beberapa cadangan telah dikemukakan agar kajian yang lebih baik dapat dihasilkan dan dapat membantu warga Pekak mengubah cara hidup mereka pada masa yang akan datang.

Kata Kunci : pekak, budaya, perkongsian pengetahuan, orang kelainan upaya,

Pengenalan

Menurut Kamus Dewan (2005) budaya membawa bermaksud kemajuan akal fikiran dan akal budi (cara berfikir) oleh seseorang individu atau sesebuah kelompok. Ianya juga boleh dianggap satu cara hidup sesebuah masyarakat ataupun bangsa. Setiap kelompok masyarakat mempunyai budaya mereka sendiri. Begitu juga dengan kelompok masyarakat Pekak. Golongan Pekak menganggap mereka adalah satu kelompok masyarakat kerana mereka mempunyai bahasa mereka tersendiri iaitu Bahasa Isyarat Malaysia (BIM). Selain dari itu mereka juga mempunyai sejarah, kepercayaan dan nilai-nilai hidup mereka tersendiri (Lucy Lim et.al, 2006).

Dalam kehidupan mereka, berkongsi sesuatu maklumat atau pengetahuan juga merupakan salah satu aktiviti mereka. Seperti yang diketahui pengetahuan merupakan satu perkara yang penting yang perlu ada dalam diri setiap manusia. Menurut Bhatt (2001) dalam proses pengurusan pengetahuan terdapat tiga perkara yang perlu diberi perhatian iaitu membangunkan atau mewujudkan pengetahuan, menyimpan pengetahuan dan berkongsi pengetahuan. Pengetahuan ini termasuklah pengetahuan spesifik melalui pembelajaran, latihan, pemerhatian dan juga pengalaman kerja yang ada pada seseorang individu.

Dalam kajian ini, pengkaji akan fokus kepada perkongsian pengetahuan. Perkongsian pengetahuan berlaku apabila seseorang individu itu tertarik atau berminat untuk membantu individu yang lain mencipta atau berkongsi sesuatu pengetahuan yang baharu. Perkongsian pengetahuan ialah satu proses perpindahan maklumat yang diberi oleh satu pihak dan diterima oleh satu pihak yang lain (Sharratt dan Usoro, 2003).

Selain itu, perkongsian pengetahuan juga merupakan kesediaan individu untuk menyumbang pengetahuan kepada orang lain dan kemampuan untuk mengumpul pengetahuan daripada orang lain. Walau bagaimanapun terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi perkongsian pengetahuan antaranya ialah faktor individu, organisasi dan juga faktor teknologi.

Penyataan Masalah

Menurut Mohd Bakhari (2010), banyak kajian mengenai pengurusan pengetahuan telah dilakukan tetapi tidak ada kajian yang khusus dalam perkongsian pengetahuan. Kebanyakan kajian yang dijalankan adalah terlalu umum seperti faktor individu, kumpulan, struktur organisasi, budaya organisasi, teknologi, komunikasi, sumber manusia, ganjaran, kepercayaan dan arahan dari ahli politik. Kajian-kajian ini banyak dijalankan kepada organisasi sektor awam berbanding sektor swasta. Manakala kajian di institusi pendidikan pula lebih tertumpu kepada institusi pendidikan tinggi tetapi tiada di peringkat sekolah menengah atau rendah. Responden pula terdiri daripada orang normal dan setakat ini tiada kajian dilakukan dalam kalangan pelajar Pekak peringkat sekolah menengah.

Objektif Kajian

Objektif kajian ialah untuk melihat amalan perkongsian pengetahuan dalam kalangan pelajar Pekak di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Shah Alam Selangor (SMPKVSA).

Kajian Literatur

Antara kajian perkongsian yang telah dijalankan adalah seperti kajian oleh Yogeesha H.C (2013) dengan tajuk kajian Faktor Yang Mempengaruhi Perkongsian Pengetahuan Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor yang mempengaruhi perkongsian pengetahuan dalam kalangan pelajar kejuruteraan dan dijalankan di kolej di sekitar Bangalore. Sebanyak empat faktor telah dikenal pasti iaitu faktor individu, bilik darjah, teknologi dan juga sosialogikal dengan setiap satu faktor mempunyai dua item sebagai item yang dikaji.

Walau bagaimanapun faktor sosiologi didapati tidak mempengaruhi perkongsian pengetahuan dalam kalangan pelajar kejuruteraan. Hasil dapatan kajian mendapati sebanyak lima faktor mempengaruhi perkongsian pengetahuan iaitu keinginan untuk berkongsi, sokongan teknologi, sokongan tenaga pengajar, keupayaan untuk berkongsi dan tahap persaingan manakala tiga lagi tidak mempengaruhi iaitu keupayaan teknologi, saiz keluarga dan persekitaran sekolah dan masyarakat.

Kajian seterusnya ialah kajian daripada Sivaporn Wangpipatwong (2009) pula menjalankan kajian ke atas pelajar universiti. Kajian ini mengkaji enam pemboleh ubah yang mempengaruhi perkongsian pengetahuan. Keputusan kajian menunjukkan faktor sokongan teknologi, keupayaan pelajar untuk berkongsi dan tahap persaingan positif dalam mempengaruhi perkongsian pengetahuan manakala keinginan untuk berkongsi, sokongan tenaga pengajar dan kemudahan teknologi menunjukkan keputusan negatif dalam berkongsi pengetahuan.

Seterusnya Farkhondeh Hassandoust (2011) membuat kajian yang bertajuk perkongsian pengetahuan secara atas talian di institut pengajian tinggi: Perspektif di Malaysia. Kajian ini mengkaji hubungan antara faktor yang mempengaruhi dengan perkongsian pengetahuan secara atas talian. Kajian ini mengkaji sebanyak sepuluh pemboleh ubah iaitu struktur dan budaya institut, aspek teknikal, rasa bermasyarakat, ganjaran motivasi, sikap, masalah keselamatan, keinginan untuk berkongsi, kepercayaan, kemahiran computer rakan dan faedah. Keputusan kajian menunjukkan empat pemboleh ubah sangat mempengaruhi perkongsian pengetahuan iaitu kepercayaan, aspek teknikal, sikap dan kemahiran komputer rakan.

Kajian-kajian mengenai faktor individu

Individu dalam kajian ini merujuk kepada pelajar. Berkongsi pengetahuan bukanlah perkara yang mudah terutama bagi seseorang individu. Antara sebab perkongsian ini sukar dilakukan kerana kekurangan masa untuk berkongsi pengetahuan, kurangnya kesedaran, penguasaan dalam perkongsian tersurat (explicit) lebih pengetahuan tersirat (tacit), dan kurangnya interaksi (Haldin-Herrgard, T, 2000).

Apabila seseorang individu itu yakin dalam berkeupayaan untuk menggunakan pengetahuan yang ada, mereka akan bermotivasi untuk berkongsi mengenai pengetahuan yang sedia ada (Cho, Li,& Su, 2007). Jika diikutkan, terdapat banyak faktor yang mempengaruhi perkongsian pengetahuan. Ini terbukti apabila pengkaji seperti Awad dan Ghaziri (2004) mencadangkan faktor seperti personaliti dan sikap, kesedaran yang dicadangkan oleh Lee & Al-Hawamdeh (2002) dan (Van den Hooff, Elving, Meuwesen, dan Dumoulin, 2003) juga menyatakan bahawa keupayaan individu untuk berkongsi pengetahuan dan kesediaan untuk berkongsi merupakan item yang dikaji dalam mengenal pasti faktor yang mempengaruhi perkongsian pengetahuan bagi faktor individu.

Melalui kajian-kajian lepas terbukti banyak faktor individu yang dikaji dalam mengenal pasti faktor yang mempengaruhi perkongsian pengetahuan. Walau bagaimanapun, disebabkan kajian ini dijalankan di institusi pendidikan dan memberi tumpuan kepada pelajar kelainan upaya ianya kurang dijalankan. Oleh yang demikian, justifikasi dari kajian lepas dan pengkaji yang berpengalaman luas dalam sektor institusi pendidikan, faktor individu yang berkaitan dan relevan dengan sektor pendidikan telah dipilih. Dalam kajian ini, pengkaji memilih item kesediaan untuk berkongsi dan keupayaan untuk berkongsi sebagai item yang dikaji.

Kesediaan berkongsi juga merupakan salah satu faktor di bawah faktor individu yang ingin dikaji oleh pengkaji dalam kajian ini. Kesediaan berkongsi di dalam kajian lepas mengatakan niat untuk berkongsi pengetahuan dianggap menguasai faktor-faktor motivasi yang memberi kesan kepada tingkah laku perkongsian pengetahuan. Kesediaan berkongsi menunjukkan bahawa bagaimana seseorang itu bersedia untuk berkongsi pengetahuan dengan orang lain (Farkhondeh Hassandoust dalam Ajzen, 2011). Dalam kajian ini ianya merujuk kepada bagaimana seseorang pelajar itu bersedia untuk berkongsi pengetahuan sama ada dengan rakan sekelas yang lain mahupun dengan tenaga pengajar.

Faktor kesediaan berkongsi ini dikaji dalam beberapa kajian untuk melihat beberapa objektif dan juga dapatan kajian. Antara objektif dan dapatan kajian yang diperolehi oleh kajian-kajian lepas seperti kajian oleh De Vries et al (2006) yang ingin melihat hubungan emosi yang berkaitan dengan kesediaan berkongsi terhadap perkongsian pengetahuan. Analisis yang digunakan adalah regresi dan dapatan kajian menunjukkan ada hubungan positif antara kesediaan berkongsi dengan perkongsian pengetahuan.

Namun, bagi Bart Van den Hooff (2004) pula tumpuan kajianya ialah untuk melihat sikap individu terhadap perkongsian pengetahuan dan memberi fokus kepada sikap kesediaan berkongsi pengetahuan. Dapatan kajian untuk menjawab objektif ini mendapati ada hubungan positif di antara kesediaan berkongsi dengan perkongsian pengetahuan. Dapatan kajian menggunakan analisis korelasi dan hubungan positif ini disokong dengan andaian bahawa semakin tinggi skor kesediaan berkongsi, semakin tinggi proses perkongsian pengetahuan.

KAEDAH KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah satu kajian kuntitatif dan deskriptif bagi melihat amalan perkongsian pengetahuan dalam kalangan pelajar Pekak.

Populasi dan Sampel

Kajian ini melibatkan populasi seramai 147 orang pelajar OKU di Sekolah Menengah Vokasional Pendidikan Khas (SMVPK), Shah Alam, Selangor. Pelajar OKU terdiri daripada 41 orang pelajar yang mempunyai masalah pembelajaran (*learning disability*) dan 106 pelajar pekak. Dalam kajian ini, sampel yang dipilih adalah dalam kalangan pelajar Pekak iaitu seramai 106 orang. Soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian telah diedarkan kepada responden dengan kadar pulangan 69 set (65%).

Teknik Pengumpulan Data

Teknik pengumpulan data yang digunakan ialah teknik persampelan rawak berstrata. Semasa pengendalian soal selidik untuk mereka, pengkaji telah menggunakan khidmat jurubahasa isyarat untuk menterjemahkan Bahasa Melayu (BM) kepada Bahasa Isyarat Malaysia (BIM). Kaedah ini digunakan setelah pengkaji mengambil kira masalah pelajar Pekak untuk memahami struktur ayat bahasa Melayu.

Instrumen Kajian

Borang soal selidik yang diedarkan kepada responden yang mengandungi sembilan soalan berkaitan perkongsian pengetahuan, kesediaan berkongsi dan keupayaan berkongsi. Kesemua soalan ini dianalisis dengan menggunakan SPSS. Kajian ini menggunakan skala likert empat mata yang menunjukkan 1 mewakili “Sangat Tidak Setuju”, 2 “Tidak Setuju”, 3 “Setuju” dan 4 “Sangat Setuju”. Instrument ini juga diadaptasi daripada kajian Wangpipatwong (2009) dan Yogeesha (2013) yang dibuat dalam kalangan pelajar universiti.

Kaedah Analisis Data

Jadual 1: Kaedah Analisis Data

	Kaedah Analisis	Fungsi
1	Analisis Kebolehpercayaan <i>Cronbach Alpha</i>	Untuk mendapatkan tahap kebolehpercayaan bagi setiap item di dalam sesuatu konstruk.
2	Analisis Frekuensi dan deskriptif	Untuk melihat kekerapan dan latar belakang responden.
3	Analisis Nilai Min	Untuk mencari nilai min bagi setiap item dalam setiap boleh ubah yang dikaji.

Kebolehpercayaan dalam sesuatu penyelidikan merujuk kepada keupayaan suatu kajian untuk memperoleh nilai serupa apabila pengukuran yang sama diulangi. Skala interpretasi yang digunakan dalam kajian ini berdasarkan jadual yang dibangunkan oleh Mohd Najib (1999).

Jadual 2 : Skala Interpretasi Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Nilai Cronbach Alpha	Interpretasi
0.81 – 1.00	Sangat Tinggi
0.60 – 0.80	Tinggi (item diterima)
0.41 – 0.60	Sederhana (ubah sebilangan item)
0.21 – 0.40	Rendah (ubah kesemua item)
0.00 – 0.20	Diabaikan

Sumber: Mohd. Najib (1999)

Manakala skala interpretasi min bagi empat skala pula, pengkaji berpandukan daripada sumber penilaian skor min yang digunakan oleh (Ghani Hj Taib, 1996) seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3: Jadual Interpretasi Skor Min Empat Skala
Selang Skala Min Interpretasi Tahap

1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana
3.01 – 4.00	Tinggi

Sumber: Ghani Hj Taib (1996)

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Nilai Cronbach Alpha

Berdasarkan kajian lepas yang dikendalikan oleh Wangpipatwong (2009) dan Yogeesha (2013), ketiga-tiga dimensi yang dikaji mendapat nilai yang tinggi iaitu pada tahap 0.60 – 0.80. Namun begitu hasil dapatan kajian ini mendapati nilai Cronbach Alpha berada pada tahap sederhana dan rendah bagi ketiga-tiga konstruk (Jadual xx). Nilai Cronbach Alpha untuk dimensi perkongsian pengetahuan dan keupayaan berkongsi berada pada tahap sederhana iaitu antara 0.41 – 0.60 semasa kajian rintis dan kajian sebenar. Manakala dimensi kesedian berkongsi berada pada tahap sederhana semasa kajian rintis dan menurun nilainya semasa kajian sebenar.

Jadual 4: Pengukuran Kebolehpercayaan

Dimensi	Bil. Pernyataan	Cronbach's Alpha		
		Kajian Lepas	Kajian Rintis	Kajian Sebenar
Perkongsian Pengetahuan	3	0.728	0.540	0.519
Kesediaan Berkongsi	3	0.797	0.440	0.343
Keupayaan Berkongsi	3	0.790	0.463	0.547

Pada kebiasaannya nilai Cronbach's Alpha yang tinggi iaitu 0.60 ke atas dianggap tinggi dan kesemua item di dalam konstruk ini boleh diterima dan ketekalan instrumen dalam soal selidik adalah baik (Nurulhuda et al, 2009). Semakin tinggi kebolehpercayaan sesuatu instrumen itu, semakin rendah darjah ralat bagi instrumen tersebut. Namun begitu, dapatan kajian rintis kami menunjukkan nilai *Cronbach's Alpha* yang sederhana berbanding dengan hasil kajian lepas yang menggunakan instrumen yang sama.

Nilai *Cronbach's Alpha* yang berada pada tahap sederhana ini boleh ditingkatkan nilainya dengan mengubah beberapa item dalam konstruk tersebut. Namun begitu atas kekangan masa dan juga prosedur untuk mengendalikan pengumpulan data agak sukar, maka kajian ini diteruskan juga. Pengkaji telah mengekalkan dua dimensi dalam kajian iaitu perkongsian pengetahuan dan keupayaan berkongsi. Manakala dimensi kesediaan berkongsi pula mendapat nilai yang rendah dan kesemua item perlu diubah bagi mendapat nilai yang lebih baik. Memandangkan kekangan yang pengkaji hadapi, maka faktor ini digugurkan. Antara sebab berlakunya nilai yang rendah ini adalah kerana kurangnya item dalam konstruk tersebut. Menurut Norsaleha Mohd Salleh dan Ab.Halim Tamuri dalam Pallant (2001 dan 2005) dalam *Journal International of Islamic Thought* (2013) aras kebolehpercayaan *Cronbach's Alpha* pada aras 0.5 adalah biasa berlaku jika item dalam konstruk kurang daripada 10 manakala nilai kebolehpercayaan akan mencapai aras 0.7 ke atas jika item dalam konstruk melebihi daripada 10 item. Penyataan ini disokong oleh Noraini Idris (2010) dan L.Cohen,Manion, & Morrison (2013) yang menyatakan nilai ketekalan atau nilai *Cronbach's Alpha* kurang daripada 0.60 berada di tahap ketekalan yang rendah tetapi masih boleh diterima. Selain daripada jumlah item yang rendah, menurut Dr. Othman Taib dalam blog p jumlah responden yang sedikit dan isu yang dikaji itu jauh dari kehidupan responden.

Latar Belakang Responden

Terdapat seramai 69 orang pelajar yang menjadi responden dalam kajian ini yang melibatkan 38 orang (55%) pelajar perempuan dan 31 orang (44%) pelajar lelaki. Kebanyakan pelajar Pekak ini adalah pelajar berbangsa Melayu iaitu seramai 53 orang (76%) diikuti oleh 10 orang (14%) pelajar Cina, 5 orang (7.2%) pelajar India dan seorang (1.4%) pelajar bangsa lain. Kesemuanya berkomunikasi dengan menggunakan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM).

Jadual 5: Latar Belakang Responden

Latar Belakang Responden	Item	Kekerapan	Peratusan(%)
Jantina	Perempuan	38	55.1
	Lelaki	31	44.9
	Jumlah	69	100
Bangsa	Melayu	53	76.8
	Cina	10	14.5
	India	5	7.2
	Lain-lain	1	1.4
	Jumlah	69	100

Amalan Perkongsian Pengetahuan Pelajar Pekak

Untuk mencapai objektif kajian, pengkaji menggunakan kaedah analisis min bagi setiap item di dalam setiap konstruk pemboleh ubah yang dikaji iaitu perkongsian pengetahuan dan keupayaan berkongsi.

Perkongsian Pengetahuan

Terdapat tiga item mengenai perkongsian pengetahuan di dalam instrument kajian yang melihat dari sudut amalan harian mereka iaitu memberitahu rakan sekelas apa yang mereka lakukan, berkongsi ilmu baru dengan rakan sekelas dan memberitahu rakan sekelas apa yang mereka tahu. Bagi melihat tahap amalan ini, pengkaji merujuk kepada Jadual Interpretasi Skor Min Empat Skala.

Analisis telah dijalankan untuk mengkaji tahap amalan perkongsian pengetahuan dalam kalangan responden kajian. Hasil kajian adalah seperti Jadual 6 di bawah:

Jadual 6: Jadual Interpretasi Skor Min Perkongsian Pengetahuan

Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
2.31	0.77636	Sederhana

Min keseluruhan adalah sebanyak 2.31 dengan sisihan piawai 0.7736. Ini menunjukkan bahawa tahap perkongsian pengetahuan dalam klangan pelajar Pekak secara keseluruhannya adalah di peringkat sederhana. Analisis lengkap untuk setiap komponen dalam soal selidik Wangpipatwong (2009) adalah seperti dalam Jadual 7.

Jadual 7: Analisis Soal Selidik Perkongsian Pengetahuan Wangpipatwong (2009)

Item		Jangkaan		
		Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Saya biasanya memberitahu rakan sekelas apa yang saya lakukan.	2.87	0.922	Sederhana
2	Saya biasanya berkongsi ilmu baru dengan rakan sekelas.	3.29	0.909	Tinggi
3	Saya selalu memberitahu rakan sekelas apa yang saya tahu.	2.84	0.980	Sederhana

Analisis menunjukkan bahawa item yang berkaitan dengan perkongsian pengetahuan, item 2 mempunyai min yang paling tinggi ($\text{min}=3.29$, $\text{sp}=0.98$). Ini menunjukkan bahawa pelajar Pekak akan berkongsi ilmu baru dengan rakan sekelas adalah agak tinggi. Walau bagaimanapun, item 1 dan 3 menunjukkan bahawa amalan memberitahu rakan sekelas apa yang mereka lakukan ($\text{min}=2.87$, $\text{sp}=0.922$) dan memberitahu apa yang mereka tahu tidak menggalakkan perkongsian pengetahuan ($\text{min}=2.84$, $\text{sp}=0.98$).

Keupayaan Berkongsi

Bagi dimensi keupayaan berkongsi pula terdapat tiga item yang dikaji. Ianya dilihat dari segi amalan keupayaan mereka Antaranya ialah rasa mudah berkongsi apa yang mereka tahu dalam bentuk perkataan, yakin dalam kebolehan mereka berkongsi ilmu dan yakin dengan ilmu yang dikongsi dapat meningkatkan prestasi rakan sekelas.

Analisis telah dijalankan untuk mengkaji tahap amalan keupayaan berkongsi dalam kalangan responden kajian. Hasil kajian adalah seperti Jadual 8 di bawah:

Jadual 8: Jadual Interpretasi Skor Min Keupayaan Berkongsi

Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
2.24	0.77471	Sederhana

Min keseluruhan adalah sebanyak 2.24 dengan sisihan piawai 0.77471. Ini menunjukkan bahawa tahap amalan keupayaan berkongsi dalam kalangan pelajar Pekak secara keseluruhannya juga berada pada tahao sederhana. Analisis lengkap untuk setiap komponen dalam soal selidik Wangpipatwong (2009) adalah seperti dalam Jadual 9.

Jadual 9: Analisis Soal Selidik Keupayaan Berkongsi Wangpipatwong (2009)

Item		Jangkaan		
		Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Saya rasa mudah berkongsi apa yang saya tahu dalam bentuk perkataan	2.55	0.867	Sederhana
2	Saya yakin dalam kebolehan saya berkongsi ilmu dengan rakan sekelas saya	3.03	0.785	Tinggi
3	Saya yakin ilmu yang saya kongsi akan meningkatkan prestasi rakan sekelas saya.	2.83	0.822	Sederhana

Analisis menunjukkan bahawa item yang berkaitan dengan keupayaan berkongsi, item 2 mempunyai min yang paling tinggi ($\text{min}=3.03$, $\text{sp}=0.785$). Ini menunjukkan bahawa pelajar Pekak berasa yakin dengan kebolehan mereka untuk berkongsi ilmu dengan rakan sekelas. Walau bagaimanapun, item 1 dan 3 menunjukkan bahawa keupayaan mereka berkongsi dalam bentuk perkataan atau bahasa Isyarat tidak semudah yang disangka ($\text{min}=2.55$, $\text{sp}=0.867$). Mereka juga kurang yakin dengan ilmu yang mereka berkongsi dapatkan meningkatkan prestasi rakan sekelas. ($\text{min}=2.83$, $\text{sp}=0.822$).

KESIMPULAN

Memandangkan kajian ini adalah satu penerokaan, maka hasil dapatan ini tidak dapat dibandingkan dengan hasil kajian yang lain sebelum ini. Ini adalah kerana budaya orang Pekak berbeza dengan budaya orang biasa. Lebih-lebih lagi faktor yang dikaji juga tidak menyeluruh. Berbalik kepada dimensi kesediaan berkongsi yang mempunyai nilai *Cronbach's Alpha* yang rendah, ini tidak bermakna dimensi ini boleh digugurkan terus daripada kajian. Ianya boleh dikaji semula dengan menambah baik item di dalam konstruk tersebut. Begitu juga dengan faktor individu yang lain perlu diambil kira.

Kesimpulan dari hasil dapatan kajian, dapatlah dirumuskan bahawa budaya perkongsian pengetahuan dalam kalangan pelajar pekak berada pada tahap yang sederhana. Ini menunjukkan bahawa amalan berkongsi ilmu masih perlu diwujudkan dalam kalangan mereka. Walaupun mereka hanya mampu berkomunikasi dengan bahasa isyarat Malaysia, itu bukan menjadi satu halangan untuk berkongsi ilmu. Perkongsian ilmu sangat penting dalam kalangan pelajar kerana ilmu yang dikongsi tidak akan berkurangan malah akan bertambah dalam diri dan kehidupan seorang pelajar. Lebih banyak kita berkongsi ilmu, lebih mendalam kefahaman kita dalam sesuatu perkara. Amalan ini dapat membantu para pelajar terus maju dalam pendidikan dan kehidupan.

CADANGAN PENYELIDIKAN MASA DEPAN

Bagi menambah baik kajian yang akan datang beberapa cadangan yang perlu diambil kira ialah:

1. Penambahan beberapa dimensi yang ada di dalam diri individu tersebut seperti kesediaan berkongsi, motivasi dalaman dan lain-lain.
2. Menambah jumlah item yang sedia ada dalam setiap konstruk.
3. Menggunakan bahasa Melayu yang lebih mudah kerana penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Pekak sangat terhad.
4. Penggunaan skala likert sangat tidak setuju, tidak setuju, setuju dan sangat setuju digantikan dengan ikon smiley. Ini adalah kerana pelajar Pekak sukar menghayati perkataan ‘sangat’.
5. Melibatkan jumlah responden yang lebih besar.
6. Semasa pengendalian soal selidik, responden hendaklah dipecahkan kepada kumpulan yang kecil supaya penyelidik akan mendapat jawapan yang lebih tepat.
7. Kajian juga mestilah dilakukan bukan pada musim peperiksaan mereka.

RUJUKAN

Awad, E.M and Ghaziri, H.M (2004), Knowledge Management. Perason Education Inc, New Jersey.

Bart van den Hooff, 2006, Eagerness And Willingness To Share: The Relevance Of Different Attitudes Towards Knowledge Sharing

Bart van den Hooff, 2001, What One Feels And What One Knows: The Influence Of Emotions On Attitudes And Intentions Towards Knowledge Sharing

Bhatt, G.D. (2001). "Knowledge Management In Organizations: Examining The Interaction Between Technologies, Techniques And People." *Journal of Knowledge Management*. 5(1). 68-75.

Cho, N., Li, G.Z & Su, C.Z (2007), An Empirical Study on The Effect of Individual Factors on Knowledge Sharing by Knowledge Type. *Journal of Global Business and Technology*, 3(2), 1-15.

De Vries et al (2006), What One Feels and Wahta One Knows: The Influence of Emotions on Attituddes and Intentions Towards Knowledge Sharing.

Dewan Bahasa dan Pustaka. Kamus Dewan, 2005 Kuala Lumpur.

Dr.Othman Talib, Kenapa Cronbach Alpha Saya Kecik?
<http://drotspss.blogspot.com/2011/03/tajuk-114-kenapa-nilai-cronbach-alpha.html>

Farkhoudesh Hassandoust, Vimala Perumal, 2011, Online Knowledge Sharing In Institutes of Higher Learning: A Malaysian Perspective

Ghani Hj Talib, 1996. Pembinaan Instrumen: Ceramah Kursus Penyelidikan Pendidikan, Anjuran Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia, 12-13 Ogos 1996.

Haldin-Herrgard, T (2000), “Difficulties in diffusion of tacit knowledge in organizations”, *Journal of Intellectual Capital*, Vol. 1 No. 4, 2000, pp. 357-365
Johnson, G., Scholes, K. Whittington, R. 2005. Exploring Corporate Strategy. 8th ed.

Lee, C.K and Al-Hawamdeh, S (2002), Factors Impacting Knowledge Sharing, *Journal of Information and Knowledge Management*, 1 (2), 49-56.

Lucy Lim et.al (2006), Understanding Deaf Culture – Malaysian Perspective. Majudiri Y Foundation for the Deaf, Malaysia.

Mohamad Sazali Shaari, Mohd Bakhari Ismail and Zawiyah Mohammad Yusof, 2010, Factors Affecting Knowledge Sharing In Public Organizations in Malaysia

Mohd Bakhari Ismail and Zawiyah M.Yusof, 2010, The Impact of Individual Factors on Knowledge Sharing Quality

Mohd Bakhari Ismail and Zawiyah M. Yusof, 2010, The Contribution of Technological Factors on Knowledge Sharing Quality Among Government Officers in Malaysia

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). “*Penyelidikan Pendidikan.*” Johor : Universiti Teknologi Malaysia.

Noorazah Md. Noor, Juhana Salim. 2013, Model Perkongsian Pengetahuan dalam Organisasi Sektor Swasta di Malaysia dan Hubungannya dengan Inovasi dan Prestasi Organisasi

Noorazah Md Noor and Juhana Salim, 2011, Factors Influencing Employee Knowledge Sharing Capabilities in Electronic Government Agencies in Malaysia

Norsaleha Mohd Salleh dan Ab. Halim Tamuri, Validity and Reliability of the Religious Belief Instrument, *Journal of Islamic Thought*, 2013

Nurulhuda Bt Ramli, Chai Siew Fun dan Fazli Idris (2009). Kajian Kepuasan Pelanggan Terhadap Perkhidmatan Perpustakaan Universiti Awam di Malaysia. Malaysia.

Siti Nurul Huda Mohd, 2012, Factors Affecting Motivations To Share Knowledge among University Students

Sivaporn Wangpipatwong, 2009, Factors Influencing Knowledge Sharing Among University Students

Van den Hooff, Elving, W.J.L., Meuwissen, J.M and Dumoulin, C.M (2003),

Knowledge Sharing in Knowledge Communities in Communities and Technologies.

Yogeesha H.C, 2013 Factors Influencing Knowledge Sharing Among Undergraduate Engineering Students.